

17 DEC 2002

Mahathir-MCA

BN SEDIA BINCANG KEPUTUSAN MCA GANTUNG DUA ADUN, KATA DR MAHATHIR

PETALING JAYA, 17 Dis (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) bersedia membincangkan keputusan MCA menggantung keanggotaan dua Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Pinang tanpa had masa jika ada parti-parti komponennya yang tidak berpuas hati dengan keputusan itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Pengerusi BN, berkata: "Kalau ada mana-mana parti yang tidak puas hati, maka kita perlu adakan mesyuarat Majlis Tertinggi BN.

"Saya rasa puas hati MCA mengambil tindakan terhadap mereka, tetapi saya tidak tahu sama ada parti-parti lain puas hati atau tidak," katanya pada sidang media sejurus tiba di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia di Subang dekat sini, malam ini, selepas pulang dari lawatan rasmi dua hari ke Jepun.

Dr Mahathir berkata jika BN ingin memaksa MCA mengambil tindakan yang lebih drastik, ia adalah dengan melucutkan keanggotaan MCA dalam BN.

"Itu adalah satu langkah serius yang perlu dipertimbangkan secara teliti," katanya.

Semalam, Majlis Presiden MCA menggantung keanggotaan ADUN Jawi, Tan Cheng Liang dan ADUN Datuk Keramat, Lim Boo Chang tanpa had masa kerana mereka mengambil sikap berkecuali ketika BN menolak usul pembangkang berhubung penangguhan projek Jalan Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR) pada persidangan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang 21 Nov lepas.

Menjawab soalan pemberita sama ada beliau berpuas hati dengan tindakan MCA menggantung keanggotaan kedua-dua ADUN itu, Dr Mahathir berkata: "Ini bukan tentang pendapat saya sahaja... semua (pandangan) parti lain perlu diambil kira."

Ditanya tentang rasa tidak puas hati Gerakan dengan keputusan penggantungan itu, beliau berkata: "Jika mereka (Gerakan) tidak puas hati, mereka boleh kemukakannya kepada BN."

Semalam, Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata keputusan MCA itu sebagai "tidak ikhlas dan mementingkan diri."

Mengenai status Lim dan Tan berikutan penggantungan mereka sebagai anggota MCA, Perdana Menteri berkata BN tidak boleh memaksa mereka meletakkan jawatan.

"Mereka telah digantung keahlian oleh MCA. Terpulang pada mereka sama ada hendak letak jawatan atau tidak.

"Kalau tidak, mereka boleh jadi wakil bebas atau mereka boleh mewakili parti lawan," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

SR HK NAK